

## **AMALAN PEMBUANGAN SAMPAH DALAM KALANGAN PENSYARAH, PELAJAR & PEKERJA KAFETERIA DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU- KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM**

Fazida binti Haji Othman  
Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam,  
Bangi, Selangor Darul Ehsan  
Email: [fazida.kpislam@gmail.com](mailto:fazida.kpislam@gmail.com)


*Diterima untuk diterbitkan pada: 1 SEPT 2012*

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan melihat amalan sistem pembuangan sampah bagi 186 orang pelajar, 56 orang pensyarah dan 5 orang pekerja kafeteria. Pemerhatian amalan pembuangan sampah dijalankan ke atas responden semasa rehat, tamat waktu kuliah dan tamat waktu bekerja mereka. Didapati tahap pengetahuan pensyarah lebih tinggi iaitu 82.14% daripada pelajar dan kafeteria. Tahap amalan menggunakan kertas terpakai, pembuangan sisa makanan dan penggunaan tong kitar semula pula menunjukkan pensyarah yang lebih mengamalkan amalan tersebut berbanding pelajar dan pekerja dengan peratus masing-masing 82.14 %, 69.64% dan 62.5%. Bagi amalan kitar semula botol plastik dan pembuangan sampah, pekerja kafeteria menunjukkan peratus yang tertinggi dalam amalan ini berbanding pensyarah dan pelajar dengan peratus 80% dan 100%. Kajian juga menunjukkan bahawa kesedaran kendiri pensyarah lebih tinggi dalam amalan pengurusan sampah iaitu sebanyak 94.64%. Pekerja kafeteria lebih bersetuju bahawa pentadbiran menjadi faktor utama dalam amalan pembuangan sampah dan pensyarah didapati lebih terdorong untuk mengamalkan amalan pembuangan sampah. Kajian juga memperlihatkan bahawa faktor pensyarah akademik lebih memainkan peranan penting kepada pelajar dalam mengamalkan pembuangan sampah yang berhemah.

### **2.0 Pendahuluan**

Isu alam sekitar seringkali dikaitkan dengan masalah pencemaran. Salah satu masalah pencemaran alam sekitar yang jelas dilihat ialah masalah pembuangan sampah yang tidak lestari akibat penghasilan sampah-sarap yang terlalu banyak dalam aktiviti harian manusia. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), pencemaran adalah suatu perbuatan yang mencemarkan, pengotoran alam, atau perbuatan mencemarkan kebersihan alam sekeliling dengan sampah sarap. Manakala sampah pula bermaksud benda-benda yang dibuang, kotoran, atau sesuatu benda yang tidak berharga atau berguna.



Sistem pengurusan sampah bukanlah perkara mudah atau boleh dilakukan dengan murah. Ia melibatkan sistem pengumpulan, pemungutan, pengangkutan dan pelupusan sampah yang secara keseluruhannya memerlukan kos yang tinggi. Berita Harian 27 Jun 2007 melaporkan bahawa kerajaan memperuntukkan lebih RM1 bilion bagi menubuhkan dan membayai operasi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi meningkatkan keberkesanannya perkhidmatan berkenaan.

Hal ini memberi signifikan bahawa pencemaran alam sekitar bukan sahaja memberi impak kepada alam sekitar dan manusia, malah juga merugikan wang ringgit. Justeru, amalan gaya hidup lestari sangat perlu diamalkan oleh segenap masyarakat dalam membendung masalah pencemaran ini kerana menjadi tanggungjawab semua pihak dalam memastikan alam sekitar kita bersih dan bebas dari pencemaran. Sesungguhnya masa depan bumi kita bergantung kepada sejauh mana peranan individu mengubah sikap dan gaya hidup masing-masing.

### 3.0 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengatasi masalah amalan sistem pembuangan sampah dalam kalangan pelajar, pensyarah dan pekerja kafeteria di IPG Kampus Pendidikan Islam. Selain itu, pemilihan responden yang melibatkan pekerja kafe dilakukan kerana komen daripada rakan – rakan pensyarah yang memberikan informasi tentang mereka yang dikatakan prihatin dan berhemah semasa membuang sisa domestik. Hasil dapatan daripada data-data maklumat tersebut akan membantu mengurangkan masalah sistem pembuangan sampah pada tahap minimum.

### 4.0 Penyataan Masalah


Terdapat aduan daripada warga kampus mengenai masalah bau akibat sikap pembuangan sampah yang tidak berhemah. Bau yang datang dari tong-tong sampah menyebabkan gangguan kepada bilik – bilik kuliah yang berdekatan dengan tempat tersebut. Adakalanya, terdapat juga aduan daripada pihak-pihak tertentu mengenai tahap kebersihan kafeteria kampus kerana tempat pembuangan sampah terletak berdekatan dengan kafeteria dan ini menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan warga IPG Kampus Pendidikan Islam.

Pembuangan sampah juga tidak diuruskan dengan baik dalam kalangan pelajar seperti membuang sisa makanan dan minuman ke dalam tong sampah yang berdekatan dengan bilik – bilik kuliah. Ini secara tidak langsung, menyebabkan masalah bau kepada dan menimbulkan rasa ketidak selesaan kepada pelajar mahupun pensyarah di blok - blok tersebut.

### 5.0 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting bagi :

- 5.1 Memberi kesedaran kepada pensyarah, pelajar dan pekerja kafeteria tentang kepentingan amalan pembuangan sampah yang lestari.
- 5.2 Meningkatkan pengetahuan tentang amalan pembuangan sampah yang lestari.
- 5.3 Mengubah sikap dalam kalangan pensyarah, pelajar dan pekerja kafeteria terhadap amalan pembuangan sampah yang tidak lestari.



- 5.4 Memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga imej warga IPG - Kampus Pendidikan Islam dalam aspek amalan penjagaan kebersihan.



## 6.0 Objektif Kajian

- 6.1 Meningkatkan kualiti pengetahuan dan amalan sistem pembuangan sampah dalam kalangan pelajar, pensyarah dan pekerja kafeteria.  
6.2 Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran pelajar, pensyarah dan pekerja kafeteria mengenai amalan pembuangan sampah.

## 7.0 Soalan Kajian

- 7.1 Apakah tahap pengetahuan pelajar, pensyarah dan pekerja kafeteria mengenai amalan pembuangan sampah.  
7.2 Apakah faktor yang mempengaruhi pelajar, pensyarah dan pekerja kafeteria mengenai amalan pembuangan sampah.  
7.3 Apakah tahap amalan pembuangan sampah dalam kalangan pelajar, pensyarah dan pekerja kafeteria.

## 8.0 Kerangka Konsep Kajian



## 9.0 Metodologi Kajian

### 9.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini dijalankan melalui pendekatan campuran: kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik untuk memungut data bagi semua sampel yang terlibat iaitu pelajar, pensyarah dan pekerja kafeteria. Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah pemerhatian dan pemantauan terhadap amalan pembuangan sampah dalam kalangan pelajar, pensyarah dan pihak kafeteria pada waktu – waktu tertentu.

### 9.2 Sampel Kajian


Sampel kajian terdiri daripada 186 orang pelajar kampus Ambilan Januari 2009 yang mengambil pengkhususan Pengajian Sains Sosial di IPG Kampus Pendidikan Islam, manakala 56 orang pensyarah juga dari IPG Kampus Pendidikan Islam tetapi bertugas di jabatan yang berbeza dan kesemua 5 orang pekerja di kafeteria IPG Kampus Pendidikan Islam. Jumlah kesemua responden ialah 247 orang.

### 9.3 Alat Ukur

Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan soal selidik dan ujian pemahaman tentang amalan pembuangan sampah. Tahap pengetahuan responden dinilai berdasarkan soalan aneka pilihan. Terdapat lima soalan yang terdiri daripada soalan-soalan berkaitan pengetahuan asas dalam amalan pengurusan sampah yang lestari. Skor markah 1 dan 2 menunjukkan aras pengetahuan yang rendah, skor markah 3 menunjukkan aras pengetahuan sederhana dan skor 4 dan 5 menunjukkan responden mempunyai aras pengetahuan yang tinggi terhadap amalan pembuangan sampah yang lestari. Tahap amalan pembuangan sampah dinilai berdasarkan soalan soal selidik, iaitu soalan soal selidik nombor 10 hingga 14. Tahap amalan yang dinilai adalah dari aspek amalan penggunaan kertas terpakai, amalan kitar semula botol plastik, amalan pembuangan sisa makanan, amalan pembuangan sampah dan amalan penggunaan tong kitar semula. Faktor kesedaran kendiri dilihat melalui Item 3. Jawapan responden merujuk kepada kesedaran kendiri terhadap cara pembuangan sampah. Faktor Pentadbiran dilihat melalui Item 4. Faktor pentadbiran merujuk kepada sama ada pihak pentadbiran IPG Kampus Pendidikan Islam merupakan faktor pendorong kepada corak pembuangan sampah secara berhemah. Item 7 ialah untuk Faktor Ceramah dan Kempen sebagai pendorong responden untuk mempraktikkan cara pembuangan sampah. Item 8 dan 9 ialah faktor pensyarah akademik dan pensyarah koKurikulum yang menerapkan nilai pendidikan alam sekitar dalam proses Pembelajaran dan Pengajaran mereka.

### 9.4 Analisis Data

Kaedah menganalisis data secara komputer menggunakan sistem Microsoft Excel 2007 untuk analisis secara graf dan sebagainya. Analisis dibuat menggunakan frekuensi dan peratus. Data pemerhatian dianalisis menggunakan tema / perlakuan yang dominan atau yang sering ditunjukkan oleh responden.



## 9.5 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas hanya kepada 56 pensyarah, 186 pelajar dan 5 pekerja kafeteria IPG - Kampus Pendidikan Islam Bangi. Kajian hanya dilakukan di kawasan kampus IPG - Kampus Pendidikan Islam, Bangi sahaja dan tidak diinferens kepada mana-mana IPG yang lain.


## 9.6 Hasil Dapatan

### 9.6.1 Tahap Pengetahuan

Jadual 1 menunjukkan skor markah yang diperoleh oleh responden yang terdiri daripada pensyarah, pelajar dan pekerja kafetaria. Rajah 1, Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan jumlah pensyarah, pelajar dan pekerja Kafeteria mengikut skor markah yang diperoleh.


Jadual 1: Skor Markah Soalan Aneka Pilihan


SKOR MARKAH	PENSYARAH	PELAJAR	PEKERJA KAFETARIA
1	0	10	0
2	2	10	1
3	8	18	0
4	22	56	2
5	24	92	2



Rajah 1: Aras Pengetahuan Pensyarah Terhadap Amalan Pengurusan Sampah Lestari.


Seramai 46 pensyarah (82.14%) menunjukkan yang mereka berpengetahuan dalam amalan pengurusan sampah yang lestari, lapan pensyarah (14.29%) berpengetahuan sederhana dalam sistem pengurusan sampah yang lestari dan hanya dua pensyarah (3.57%) yang mempunyai kurang berpengetahuan tentang amalan pengurusan sampah yang lestari.





**Rajah 2: Aras Pengetahuan Pelajar Terhadap Amalan Pengurusan Sampah Lestari**


Bagi pelajar pula, seramai 148 (79.57%) berpengetahuan dalam amalan pengurusan sampah yang lestari, 19 pelajar (10.22%) mempunyai pengetahuan sederhana dan 19 pelajar (10.22%) kurang berpengetahuan dalam amalan sistem pengurusan sampah yang lestari.



**Rajah 3: Aras Pengetahuan Pekerja Kafeteria Terhadap Amalan Pengurusan Sampah Lestari.**

Bagi pekerja kafeteria, empat pekerja (80.00%) mempunyai pengetahuan tentang amalan pengurusan sampah dan seorang kurang berpengetahuan tentang amalan pengurusan sampah yang lestari. Berdasarkan analisis di atas, didapati pensyarah lebih berpengetahuan tentang amalan pengurusan sampah yang lestari berbanding pelajar dan pekerja kafeteria.


### 9.6.2 Amalan Sistem Pembuangan Sampah Secara Lestari



Jadual 2 menunjukkan peratus tahap amalan responden dalam sistem pembuangan sampah yang lestari. Rajah 4, Rajah 5, Rajah 6, Rajah 7 dan Rajah 8 menunjukkan perbandingan tahap amalan antara pensyarah, pelajar dan pekerja kafeteria.


**Jadual 2: Tahap Amalan Responden Dalam Amalan Sistem Pembuangan Sampah Yang Lestari**


<b>AMALAN</b>	<b>PERATUS (%)</b>		
	<b>PELAJAR</b>	<b>PENSYARAH</b>	<b>PEKERJA KAFETERIA</b>
Amalan Menggunakan Kertas Terpakai	70.96	82.14	80
Amalan Kitar Semula Plastik	19.35	25	80
Amalan Membuang Sisa Makanan	41.07	69.64	40
Amalan Membuang Sampah	65.05	89.28	100
Amalan Kitar Semula	44.62	62.5	60



**Rajah 4: Amalan Menggunakan Kertas Terpakai**


Amalan ini dilihat melalui item 10. Berdasarkan Rajah 4, didapati peratus amalan penggunaan kertas terpakai dalam kalangan pensyarah adalah 82.14%, pekerja kafeteria 80.00% dan pelajar 70.96%. Dapatkan bahagian ini menunjukkan pensyarah lebih mengamalkan amalan penggunaan kertas terpakai berbanding pelajar dan pekerja kefeteria.






Rajah 5: Amalan Kitar Semula Botol Plastik


Amalan ini dilihat melalui item 11. Amalan kitar semula botol plastik di dalam kajian ini merujuk kepada amalan pembuangan botol- botol plastik oleh responden. Rajah 5 menunjukkan peratus amalan responden yang mengamalkan amalan kitar semula botol plastik yang telah digunakan. Pekerja kafetaria IPG Kampus Pendidikan Islam menunjukkan amalan kitar semula botol plastik yang lebih baik iaitu 80.00% berbanding 25.00% bagi pensyarah dan 19.35% bagi pelajar.



Rajah 6: Amalan Membuang Sisa Makanan Secara Lestari





Item 12 merujuk kepada amalan membuang sisa makanan secara lestari sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Berdasarkan Rajah 6, didapati 69.64% pensyarah mengamalkan amalan pembuangan sisa makanan secara lestari, 40 % pekerja kafeteria yang mengamalkan amalan pembuangan sisa makanan secara lestari dan hanya 37.11 % pekerja kafeteria yang mengamalkan amalan pembuangan sisa makanan secara lestari.



Rajah 7: Amalan Membuang Tisu dan Kertas Secara Lestari

Amalan pembuangan sampah di dalam kajian ini merujuk kepada amalan membuang tisu dan kertas ditempat yang dikhaskan. Berdasarkan Rajah 7, peratus pekerja kafeteria yang mengamalkan amalan pembuangan sampah yang lestari adalah sebanyak 100.00%. Manakala pensyarah yang mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari adalah 89.28% dan pelajar pula sebanyak 65.05 %. Hasil dapatan menunjukkan pekerja kafeteria IPG Kampus Pendidikan Islam lebih mengamalkan amalan pembuangan tisu dan kertas secara lestari berbanding pensyarah dan pelajar.







Rajah 8: Amalan Penggunaan Tong Kitar Semula

Amalan penggunaan tong kitar semula di dalam kajian ini merujuk kepada amalan membuang sampah di dalam tong sampah kitar semula yang disediakan di IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Rajah 8 menunjukkan peratus pensyarah yang mengamalkan penggunaan tong kitar semula ialah 62.50 %, pekerja kafeteria sebanyak 60 % dan pelajar 44.62%. Hasil dapatan menunjukkan pensyarah lebih menggunakan tong kitar semula berbanding pelajar dan pekerja kafeteria.

### 9.6.3 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Amalan Pembuangan Sampah.


Faktor-faktor yang diambil kira dalam kajian ini adalah faktor kesedaran kendiri, faktor kemudahan, faktor ceramah dan kempen, faktor pensyarah akademik dan faktor pensyarah kokurikulum. Rajah 9 hingga Rajah 13 menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pembuangan sampah secara lestari.






Rajah 9 : Faktor Kesedaran Kendiri Dalam Kalangan Pensyarah


Rajah 9 menunjukkan hasil dapatan item 3 dalam kalangan pensyarah. Majoriti pensyarah iaitu 53 (94.64%) bersetuju dengan kesedaran kendiri terhadap amalan pembuangan sampah secara lestari, 2 pensyarah (3.57%) sangat bersetuju dan seorang (1.78%) kurang bersetuju kaitan kesedaran kendiri dengan sistem pembuangan sampah secara lestari.



Rajah10 : Faktor Kesedaran Kendiri Dalam Kalangan Pelajar


Hasil dapatan dalam kalangan pelajar menunjukkan majoriti pelajar iaitu 157 orang (84.40%) bersetuju kaitan kesedaran kendiri terhadap amalan pembuangan sampah secara lestari manakala hanya 29 pelajar (15.59%) kurang setuju kaitan antara dua faktor ini.






Rajah 11: Faktor Kesedaran Kendiri Dalam Kalangan Pekerja Kafetaria


Rajah 11 menunjukkan dua pekerja kafetaria (40.00%) sangat bersetuju kaitan kesedaran kendiri terhadap amalan pembuangan sampah secara lestari, dua pekerja (40.00%) tidak bersetuju tentang kesedaran kendiri terhadap amalan pembuangan sampah secara lestari, seorang (20.00%) tidak bersetuju tentang kesedaran kendiri terhadap amalan pembuangan sampah secara lestari. Berdasarkan analisis tersebut, kesedaran kendiri dalam kalangan pensyarah adalah lebih tinggi iaitu 94.64% berbanding pelajar iaitu 84.40% dan pekerja kafeteria iaitu 40 % dalam mengamalkan pembuangan sampah secara lestari.



Rajah 12 : Faktor Pentadbiran



Hasil dapatan item 4 mendapati 3 pensyarah (5.35%) tidak setuju bahawa faktor pentadbiran menjadi sebab mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari, 17 pensyarah (30.35%) kurang setuju dan 36 pensyarah (64.28%) bersetuju bahawa faktor pentadbiran menjadi faktor responden mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari. Berdasarkan Rajah 12 juga, didapati 19 pelajar (10.21%) pelajar tidak setuju faktor pentadbiran menjadi sebab responden mengamalkan amalan sistem pembuangan sampah secara lestari, 74 pelajar (39.78%) kurang bersetuju bahawa faktor pentadbiran menjadi sebab responden mengamalkan amalan sistem pembuangan sampah secara lestari dan 93 pelajar (50.00%) bersetuju bahawa faktor pentadbiran menjadi sebab responden mengamalkan amalan sistem pembuangan sampah secara lestari. Dapatan bagi pekerja kafeteria menunjukkan seorang pekerja (20.00%) pekerja tidak setuju faktor pentadbiran menjadi sebab responden mengamalkan amalan sistem pembuangan sampah secara lestari manakala empat pekerja (80.00%) bersetuju faktor pentadbiran menjadi sebab responden mengamalkan amalan sistem pembuangan sampah secara lestari. Berdasarkan analisis tersebut, didapati pekerja kafeteria lebih bersetuju bahawa pentadbiran menjadi faktor utama dalam mengamalkan amalan sistem pembuangan sampah secara lestari berbanding pensyarah dan pelajar.




Rajah 13 : Faktor Kempen dan Pameran

Berdasarkan Rajah 13, dua pensyarah (3.57%) tidak setuju bahawa kempen dan pameran menjadi faktor mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari, 9 pensyarah (16.07%) kurang bersetuju bahawa kempen dan pameran menjadi faktor mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari dan 45 pensyarah (80.35%) bersetuju bahawa kempen dan pameran menjadi faktor mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari. Hasil dapatan bagi pelajar pula menunjukkan 23 pelajar (12.36%) tidak setuju bahawa kempen dan pameran menjadi faktor mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari, 25 pelajar (13.44%) kurang bersetuju bahawa kempen dan pameran menjadi faktor mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah





secara lestari dan 138 pelajar (74.19%) bersetuju bahawa kempen dan pameran menjadi faktor mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari. Berdasarkan Rajah 13, dapatkan bagi pekerja kafeteria adalah dua pekerja (40.00%) tidak bersetuju bahawa kempen dan pameran menjadi faktor mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari, manakala tiga pekerja (60.00%) bersetuju bahawa bahawa kempen dan pameran menjadi faktor mereka mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari. Berdasarkan analisis hasil dapatkan, didapati pensyarah lebih terdorong menjadikan faktor kempen dan pameran sebagai faktor pendorong bagi mereka untuk mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari diikuti oleh pelajar dan pekerja kafeteria.



Rajah 14 : Faktor Pensyarah Akademik

Berdasarkan Raja 14 didapati 30 pelajar (16.12%) tidak setuju bahawa penerapan amalan semasa P&P oleh pensyarah menjadi faktor responden mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari, 43 pelajar (23.11%) kurang bersetuju bahawa penerapan amalan semasa P&P oleh pensyarah menjadi faktor responden mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari manakala 113 pelajar (60.75%) bersetuju bahawa penerapan amalan semasa P&P oleh pensyarah menjadi faktor responden mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari. Dapatkan ini menunjukkan majoriti responden iaitu 60.75% bersetuju bahawa faktor pensyarah akademik memainkan peranan dalam amalan pembuangan sampah secara lestari.






Rajah 15 : Faktor Pensyarah Ko-Kurikulum

Berdasarkan Rajah 15 didapati 30 pelajar (16.12%) tidak setuju bahawa penerapan amalan semasa aktiviti kokurikulum menjadi faktor responden mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari, 45 pelajar (24.19%) kurang bersetuju penerapan amalan semasa aktiviti kokurikulum menjadi faktor responden mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari dan 111 pelajar (59.67%) bersetuju penerapan amalan semasa aktiviti kokurikulum menjadi faktor responden mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari. Hasil dapatan menunjukkan faktor pensyarah Ko-Kurikulum juga menjadi faktor yang mendorong pelajar mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari. Dapatkan juga menunjukkan faktor pensyarah akademik lebih memainkan peranan berbanding faktor pensyarah ko-kurikulum.

### 9.7 Dapatan Pemerhatian.

Pemerhatian dijalankan di kawasan sekitar bangunan pentadbiran IPG - Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Pemerhatian yang dilakukan adalah untuk melihat kemudahan-kemudahan untuk pembuangan sampah dan budaya pembuangan sampah secara lestari oleh warga IPG Kampus Pendidikan Islam. Berdasarkan pemerhatian, kemudahan untuk pembuangan sampah disediakan oleh pihak institut iaitu tong sampah di setiap aras bangunan pentadbiran dan juga di kafeteria. Namun terdapat beberapa tong sampah yang diletakkan di kawasan yang kurang strategik iaitu kawasan yang jarang dilalui oleh warga IPG - Kampus Pendidikan Islam seperti di tangga bahagian belakang bangunan pentadbiran. Pihak institut telah menyediakan tong kitar semula untuk menggalakkan amalan kitar semula sampah tetapi tong kitar semula namun tong-tong berkenaan telah diletakkan di kawasan yang tidak sesuai iaitu di kawasan yang terpencil dan sukar dilihat. Pemerhatian yang dijalankan sekitar kawasan kafeteria mendapati, pihak kafeteria membungkus semua sisa-sisa makanan sebelum dibuang. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kafeteria mempunyai kesedaran dalam amalan pembuangan sampah secara lestari. Namun, kelewatian lori pengangkut sampah memungut sampah-sampah tersebut menyebabkan bau busuk.

Selain itu, kawasan pembuangan sampah di Institut agak kecil berbanding dengan kapasiti sampah yang dikeluarkan setiap hari dan dilihat ianya tidak diuruskan dengan baik. Sampah



diletakkan di luar kawasan pembuangan sampah tersebut. Bau yang kurang menyenangkan mengakibatkan pencemaran bau terutama apabila lori sampah datang untuk membuat pungutan.

### 9.8 Kesimpulan

Bagi aspek pengetahuan, didapati kumpulan pensyarah (82.14%) mempunyai tahap pengetahuan yang lebih baik daripada pelajar dan pekerja kafeteria. Selebihnya, dalam kalangan pensyarah dan pihak kafeteria perlu diberi pendedahan yang menyeluruh. Manakala bagi aspek amalan, ketiga-tiga responden iaitu pensyarah, pelajar dan pekerja kafeteria mempunyai peratus ketinggian amalan masing-masing. Secara keseluruhannya, 82.14% pensyarah yang menggunakan kertas terpakai berbanding dengan pelajar. Bagi amalan kitar semula botol plastik dan pembuangan sampah secara lestari, 80% pekerja kafeteria lebih mengamalkan amalan ini secara lestari. Kumpulan pensyarah (94.64%) mempunyai kesedaran kendiri dalam pembuangan sampah secara lestari. Bagi pelajar dan pekerja kafeteria pula, faktor pentadbiran menjadi kesedaran kepada mereka untuk menguruskan sampah secara lestari. Selain itu juga, Kajian juga memperlihatkan bahawa faktor pensyarah akademik lebih memainkan peranan berbanding pensyarah Ko- Kurikulum kepada pelajar dalam mengamalkan amalan pembuangan sampah secara lestari.

### 9.9 Cadangan Tindakan Penambah Baikan

Hasil daripada kajian ini mendapat terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan amalan pembuangan sampah secara lestari dalam kalangan warga IPG Kampus Pendidikan Islam. Secara keseluruhan cadangan daripada ketiga-tiga responden di ini mencadangkan :

#### Pendedahan Melalui Kempen/Ceramah/Iklan/Pameran/Lawatan

Aktiviti seperti kempen, ceramah, iklan dan sebagainya merupakan salah satu cadangan yang boleh dilakukan untuk memberi pendedahan kepada semua warga IPG-KPI secara menyeluruh.

#### Memperbanyak Tong Sampah

Cadangan ini merupakan cadangan yang perlu untuk menguruskan sampah secara lestari iaitu pembuangan sampah merata-rata dapat dielakkan namun dengan perbanyakkan tong sampah mungkin akan meningkatkan lagi pembuangan sampah tanpa dikitar semula.

